

# Live-well™ OsteSAMIN™ Plus CHONDROITIN & MSM Tablet

Glucosamine HCl, Chondroitin Sulfate, Methylsulfonylmethane (500mg/400mg/300mg)

## Apakah yang ada pada risalah ini

1. Apakah kegunaan Live-well™ OsteSAMIN™ Plus CHONDROITIN & MSM
2. Bagaimana Live-well™ OsteSAMIN™ Plus CHONDROITIN & MSM berfungsi
3. Sebelum menggunakan Live-well™ OsteSAMIN™ Plus CHONDROITIN & MSM
4. Cara menggunakan Live-well™ OsteSAMIN™ Plus CHONDROITIN & MSM
5. Semasa menggunakan Live-well™ OsteSAMIN™ Plus CHONDROITIN & MSM
6. Kesan-kesan sampingan
7. Cara penyimpanan dan pelupusan Live-well™ OsteSAMIN™ Plus CHONDROITIN & MSM
8. Maklumat lanjut
9. Pengilang dan Pemegang Pendaftaran Produk
10. Tarikh kemaskini RiMUP

## Apakah kegunaan Live-well™

### OsteSAMIN™ Plus

### CHONDROITIN & MSM

Live-well OsteSAMIN Plus CHONDROITIN digunakan sebagai terapi adjuvant untuk osteoarthritis (sakit sendi).

## Bagaimana Live-well™

### OsteSAMIN™ Plus

### CHONDROITIN & MSM

#### berfungsi

Ia mengandungi tiga bahan aktif-glukosamin, kondroitin sulfat dan metilsulfonilmetane(MSM).

Glukosamin memainkan peranan yang penting dalam pertumbuhan serta mengekalkan struktur dan fungsi tulang rawan dalam sendi tulang. Glukosamin merangsang biosintesis mukopolisakarida – komponen struktur utama tulang rawan sendi yang penting untuk fungsi sendi. Glukosamin juga meningkatkan penghasilan dan kelikatan cecair sinovial, memberikan aktiviti pelincir yang lebih baik kepada sendi.

Kondroitin sulfat penting untuk struktur dan fungsi tulang rawan articular. Kondroitin sulfat merupakan satu komponen penting dalam aggregan yang dijumpai dalam tulang rawan articular. Aggregan memberikan sifat menyerap gegaran kepada tulang rawan artikular. Sifat ini dilakukan dengan memberikan tulang rawan tekanan bengkak yang dihalang oleh daya tegangan gentian kolagen. Keseimbangan ini memberikan daya tahan boleh ubah yang penting kepada tulang rawan articular.

Metilsulfonilmetane (MSM) merupakan sebatian yang mengandungi sulfur organik. Ia merupakan produk pengoksidaan pelarut organik, *dimethyl sulfoxide* (DMSO). DMSO telah digunakan dalam rawatan artritis dan kecederaan tisu penghubung kerana tulang rawan mempunyai kandungan sulfur yang tinggi, dan sulfur diperlukan untuk pembentukan tisu penghubung, MSM sebagai sumber sulfur amat berguna dalam pengurusan keadaan seperti osteoarthritis dan kecederaan sendi di mana terdapat degenerasi atau kerosakan tulang rawan.

## Sebelum menggunakan Live-

### well™ OsteSAMIN™ Plus

### CHONDROITIN & MSM

#### - Bila tidak boleh digunakan

- Jangan mengambil Live-well™ OsteSAMIN™ Plus CHONDROITIN & MSM kalau anda adalah hipersentitif terhadap makanan laut, glukosamin, kondroitin sulfat dan *Methylsulfonylmethane* (MSM).
- Jika anda sedang mengandung atau menyusukan anak, dapatkan nasihat doktor atau pakar kesihatan sebelum mengambil produk ini.

#### - Sebelum menggunakan Live-well™ OsteSAMIN™ Plus CHONDROITIN & MSM

Anda harus mendapatkan khidmat nasihat doktor atau ahli farmasi jika mempunyai masalah kerosakan ginjal.

#### - Jika mengambil ubat-ubat lain

Kesan glukosamin terhadap sensitivity inulin dan tolerasi glukosa adalah tidak jelas, pesakit diabetes dinasihatkan supaya berhati-hati. Pesakit diabetes yang sedang makan ubat perlu memantau glukosa darah mereka dan mungkin perlu melaraskan dos ubat jika perlu.

## Cara menggunakan Live-well™

### OsteSAMIN™ Plus

### CHONDROITIN & MSM

#### - Berapa banyak harus digunakan

Ikut semua arahan yang diberikan pada sisip dengan teliti. Ia mungkin berbeza dari maklumat dalam risalah ini. Jika anda tidak memahami arahan pada label ubat anda, sila merujuk kepada doktor atau ahli farmasi.

#### Simptom osteoarthritis (sakit sendi)

sederhana atau teruk: Ambil dua tablet dua kali sehari.

Dos penyelenggaraan: Ambil satu tablet dua kali sehari.

#### - Bila perlu digunakan

Tablet perlu diambil 15 minit sebelum makan.

#### - Berapa lama perlu digunakan

Seperti dos yang dicadangkan

#### - Jika terlupa menggunakan

Ambil dos yang terlepas sebaik sahaja anda teringat.

#### - Jika mengambil berlebihan

##### (terlebi dos)

Hubungi doktor atau ahli farmasi anda dengan segera untuk mendapatkan nasihat.

# Live-well™ OsteSAMIN™ Plus CHONDROITIN & MSM Tablet

Glucosamine HCl, Chondroitin Sulfate, Methylsulfonylmethane (500mg/400mg/300mg)

## Semasa menggunakan Live-well™ OsteSAMIN™ Plus

### CHONDROITIN & MSM

#### - Perkara yang perlu dilakukan

Ambil dos anda seperti yang diberikan dalam risalah ini.

#### - Perkara yang tidak boleh dilakukan

Jangan gunakan produk selepas tarikh luput yang dinyatakan pada pakej selepas 'EXP'. Tarikh luput merujuk kepada hari yang terakhir bulan tersebut.

#### -Perkara yang perlu diberi perhatian

Glukosamin sulfat dan kondroitin sulfat merawat punca osteoarthritis (sakit sendi) dan kelegaan kesakitan mengambil masa. Oleh itu, jika kesakitan yang teruk wujud dalam tempoh ini, mungkin perlu mengambil analgesik seperti aspirin atau ubat anti-radang bukan steroid (NSAID).

## Kesan-kesan sampingan

Jangan merasa bimbang dengan senarai kesan sampingan yang mungkin wujud. Anda mungkin tidak mengalami sebarang kesan sampingan tersebut.

- **Kardiovaskular:** Edema peripheral (pengumpulan cecair menyebabkan bengkak), takikardia (jantung berdegup lebih cepat daripada biasa) dilaporkan dalam beberapa pesakit Hubungan sebab akibat belum diwujudkan.
- **System saraf pusat:** Rasa mengantuk, sakit kepala, insomnia (sukar untuk tidur) telah dilaporkan secara jarang semasa terapi (kurang daripada 1%)
- **Gastrointestinal:** loya, muntah, cirit-birit, dipepsia (senak) atau sakit epigastrik, sembelit, pedih ulu hati, dan tiada selera makan telah dilaporkan secara jarang semasa terapi oral glukosamin.

- **Kulit:** Reaksi kulit seperti eritema (kulit kemerahan) dan pruritus (kulit gatal) telah dilaporkan dalam pengambilan terapeutik glukosamin.

Anda boleh melaporkan sebarang kesan sampingan atau kesan advers ubat kepada Pusat Pemantauan Kesan Advers Ubat Kebangsaan melalui No. Tel: 03-78835550, atau laman web [npra.moh.gov.my](http://npra.moh.gov.my) (*Public Reporting Medicinal Problems / Side Effects / AEFI / Vaccine Safety*).

## Cara penyimpanan dan pelupusan Live-well™ OsteSAMIN™ Plus CHONDROITIN & MSM

### - Penyimpanan

Pastikan botol ditutup ketat. Simpan dibawah suhu 30 °C.

### - Pelupusan

Product ini tidak harus dilupuskan melalui air buangan atau sisa isi rumah. Sila rujuk kepada ahli farmasi anda mengenai cara yang betul untuk melupuskan ubat yang tidak diperlukan lagi. Langkah-langkah ini dapat membantu melindungi alam sekitar.

## Maklumat lanjut

### - Bagaimana ia kelihatan

Tablet putih berbentuk bujur, disalut film. Panjang tablet adalah 19.8mm

### - Bahan-bahan

- Bahan aktif

- *Methylsulfonylmethane (MSM)*
- *Glucosamine HCl*
- *Chondroitin sulfate sodium*

- Bahan tidak aktif

- *Croscarmellose sodium*
- *Magnesium Stearate*
- *Colloidal Silicon Dioxide*
- *Sodium Starch Glycollate*
- *Corn Starch*
- *Hydroxypropyl Methyl Cellulose*
- *Polyethylene Glycol*
- *Propylene Glycol*
- *Talc*
- *Titanium Dioxide*

### - Nombor MAL:

MAL10120048X

## Pengilang

PAHANG PHARMACY SDN. BHD. (10826-K)  
Lot 5979, Jalan Teratai,  
5 ½ Miles Off Jalan Meru,  
41050 Klang,  
Selangor Darul Ehsan, Malaysia.

## Pemegang Pendaftaran Produk

PAHANG PHARMACY SDN. BHD. (10826-K)  
Lot 5979, Jalan Teratai,  
5 ½ Miles Off Jalan Meru,  
41050 Klang,  
Selangor Darul Ehsan, Malaysia.

## Tarikh kemaskini RiMUP

28/03/2017

## Nombor Siri

BPFK(R4/1)280317/00041